

Kanak-kanak dan keceriaan negara

MOHAMAD AZMIE ZAKARIA

JEREBU menyesakkan dada, disunyikan oleh penutupan sekolah yang meredupkan suasana kehidupan sekitar. Lenyaplah riuh-rendah suara budak sekolah dengan taman ditinggalkan lengang membuat kehadiran mereka dirindui. Dalam kesibukan dan keletihan dengan kerenah mereka, mungkin ada yang berharap dapat bebas daripada kanak-kanak pengacau ketenangan ini.

Kisah peniup serunai ajaib dalam legenda bandar Hemelin, Lower Saxony, Jerman yang membawa kanak-kanak bandar itu hilang ghaib mengajar kita tentang kesan negara tanpa kanak-kanak. Jiran kita yang dulunya beria-ia menggalak kurang anak, kini terpaksa berpusing arah dengan pelbagai kempen dan insentif untuk orang muda berkahwin dan beranak.

Untuk memastikan sebuah negara tidak sahaja dipenuhi orang bencikan dan penerima bantuan ke-pajikan, banyak negara terpaksa bergantung kepada migran untuk mengisi pekerjaan dengan harapan masih ada orang yang membayar cukai bagi membiayai perkhidmatan awamnya.

Kehadiran kanak-kanak dan para pelajar dalam masyarakat bukanlah suatu beban yang patut kita takuti. Merekalah wajah dan harapan kita pada masa hadapan. Malahan kehadiran mereka akan meremajakan persekitaran sebagaimana dirasakan dalam Bandar U.

Kehebatan sebuah negara dilihat juga pada tahap kemampuan kita menjaga dan melayani kanak-kanak dari baru lahir hingga remaja. Kemajuan kita diukur dengan kadar kematian bayi.

Perkhidmatan kesihatan bermutu mampu memberi petunjuk kesihatan bayi cemerlang. Ukuran peratus membaca juga menjadi sebahagian daripada petunjuk. Setakat itu Malaysia amatlah cemerlang.

Namun dalam peringkat peralihan kanak-kanak kepada remaja, kesungguhan kita tidaklah sehebat sebelumnya. Mungkin kita mengandaikan mereka telah besar, boleh berfikir dan bertindak sendiri.

Pada peringkat ini mereka diharapkan dapat mendaki sendiri jurang untuk menjadi dewasa. Daripada 5.1 juta murid sekolah dan 1.2 juta di IPT memang luas jurangnya. Sayangnya bukan semua duduk dalam persekitaran yang tersedia contoh



KEGHAIRAHAN kanak-kanak dan remaja mencari ilmu, kesungguhan mereka bersukan, beriadah dan menjunjung seni akan menceriakan kehidupan kita. - GAMBAR HIASAN

Melihat kepada kelompongan yang wujud dalam masyarakat untuk membawa orang muda yang menjadi sumber penting ini, kita mungkin perlu memperkasa atau merombak prasarana jambatan orang muda menjadi dewasa. Mungkin Jabatan Belia dan Sukan perlu berubah menjadi Jabatan Perkhidmatan Belia.

yang baik. Maka ramailah kecundang akibat ketiadaan jambatan dan kurangnya panduan.

Ramai juga yang tertawan menjadi pelanggan pedagang dadah. Lebih daripada 300,000 semenjak 1988 termasuk ke dalam rekod AADK. Selebihnya ada yang mencari kehebatan dengan merempit atau mencari ketenangan dengan melepak dan berpeleseran. Terkenang pada ibu berondang malam mendodoikan mereka ketika masih bayi. Namun ketika sudah hampir dewasa dan bersedia menjadi penyumbang keluarga dan masyarakat mereka tertarik dengan alunan peniup serunai ajaib.

Sebaliknya IPTA dan IPTS kita telah mencipta nama dan masyhur serata dunia hingga mampu menarik lebih 100,000 orang muda negara lain untuk ke sini. Demikian juga dalam persiapan menghadapi hari tua, dengan 6,256 buah masjid yang riuh-rendah dengan kuliah, usrah, tilawah telah memenuhi keperluan aktiviti pelbagai golongan masyarakat setempat terutama warga emas.

Namun begitu kesungguhan kita peringkat awal dan akhir ter-tonjol kelompongan di tengah-tengah. Ini kita cuba tampung melalui PLKN yang terhenti dan akan disambung semula dengan pendekatan baru.

Sementara Jabatan Belia dan Sukan menyediakan kemudahan kepada remaja berpersatuan, bersukan dan budaya. Perhatian telah diberi melalui belia berpersatuan untuk membangun pemimpin belia dan menyediakan pemimpin masa hadapan dan dalam masa membina rangkaian pengaruh. Perkara ini penting tetapi lebih penting daripada itu untuk kita memanfaatkan prasarana sedemikian bagi menjambatani belia menjadi dewasa.

Melihat kepada kelompongan yang wujud dalam masyarakat untuk membawa orang muda yang menjadi sumber penting ini, kita mungkin perlu memperkasa atau merombak prasarana jambatan orang muda menjadi dewasa. Mungkin Jabatan Belia dan Sukan perlu berubah menjadi Jabatan

Perkhidmatan Belia.

Sewajarnya terdapat perlanjutan awal daripada sekolah kepada perkhidmatan ini. Semua rekod 5.1 juta murid sekolah yang menjadi remaja patutnya kekal berada dalam kerangka awam dan bukan sekadar tertumpu kalangan pemimpin dan ahli persatuan belia sahaja. Sumber perlu disediakan agar proses pelintasan dari remaja kepada dewasa menjadi proses yang kemas.

Perkhidmatan bimbingan kerjaya serta kaunseling yang kini menjadi sebahagian aktiviti sekolah eloklah dilanjutkan sehingga keluar sekolah untuk menjadi teras perkhidmatan ini. Belia kita perlu diajak dan diangkat untuk melebihi lingkungan kemungkinan kehidupan mereka sekarang. Khidmat nasihat dan bimbingan untuk remaja elok juga meliputi panduan hidup remaja yang baik.

Masyarakat dinamik yang segar akan zahir dengan kehadiran kanak-kanak dan remajanya. Keghairahan mereka untuk mencari ilmu, kesungguhan mereka bersukan, beriadah dan dengan kemeriahan berbudaya dan menjunjung seni akan menceriakan dan mewarna kehidupan kita.

Janganlah masyarakat kita turut dilalaikan dengan tiupan serunai ajaib yang membawa anak-anak kita entah ke mana.

DATUK DR. MOHAMAD AZMIE ZAKARIA ialah Pengarah Pusat Ilmuan Darulaman dan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.